



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KITA GEMPUR – PENYELEWENGAN DIESEL DAN PETROL BERSUBSIDI DISERBU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya telah menyerbu sebuah premis tanpa nama beralamat di Lot 1168, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, yang disyaki dijadikan tempat penyimpanan minyak diesel secara tidak sah. Operasi serbuan yang dijalankan pada 23 Januari 2025 pada jam 8.00 pagi oleh sepasukan anggota penguat kuasa adalah hasil daripada aduan orang awam dan maklumat risikan yang telah dikumpul sebelum operasi dilaksanakan.

Hasil pemeriksaan telah menemukan empat unit *skid tank* yang bersambung saluran paip yang mengandungi kira-kira 25,000 liter minyak diesel dan 16,000 liter minyak petrol serta empat unit *skid tank* kosong. Terdapat 5 buah lori yang dilengkapi dengan IBC *tank* di premis tersebut, yang mana ketika serbuan dijalankan, dua daripada lori itu sedang memindahkan 4,000 liter minyak diesel dan 1,000 liter minyak petrol ke dalam *skid tank*. Sebuah lori tangki juga berada di lokasi dan dipercayai sedang menunggu giliran untuk pemindahan seterusnya.

Modus operandi sindiket ini ialah mendapatkan bekalan minyak diesel dan minyak petrol dari beberapa stesen minyak di sekitar Pulau Pinang pada awal pagi dengan menggunakan 5 buah lori yang mempunyai IBC *tank* dan kembali semula ke stor selepas 3 hingga 4 jam pengisian untuk dikumpulkan sebelum diedarkan semula ke pasaran.

Secara keseluruhan, pasukan serbuan telah menyita sejumlah 32,600 liter minyak diesel yang dianggarkan bernilai RM101,768.00, minyak petrol sebanyak 18,400 liter bernilai RM38,730.00, lima buah lori yang dilengkapi dengan IBC *tank* dan pelbagai peralatan yang dianggarkan bernilai RM106,400.00. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM247,198.00.

Seramai 6 individu warga tempatan berumur antara 25 hingga 48 tahun yang berada di dalam premis dipercayai pekerja dan pemandu lori telah ditahan untuk membantu siasatan. Kertas siasatan telah dibuka dan kes ini disiasat di bawah Seksyen 21 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] kerana niat untuk melakukan kesalahan. Siasatan lanjut akan diteruskan bagi mengenal pasti dalang utama yang terlibat dalam sindiket ini.

KPDN ingin memberikan amaran keras kepada mana-mana pihak yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Pihak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta 122 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, pihak berkaitan juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

KPDN telah melaksanakan OPS TIRIS 3.0 bermula 1 Januari 2024 bagi membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi. Berdasarkan statistik penguatkuasaan bermula 1 Januari 2024 hingga 23 Januari 2025, sebanyak 46,688 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 2,860 kes telah dihasilkan dengan jumlah nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM95.93 juta. Seramai 627 individu juga telah ditahan dalam tempoh yang sama.

Hasil tindakan kes ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR yang telah dilancarkan oleh KPDN dalam usaha untuk membanteras isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang melibatkan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

TUAN SHAMSUL NIZAM BIN KHALIL

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Pulau Pinang
26 Januari 2025

###